


ULASAN BUKU



Sabariah Md. Noor
Anemia : 1001 Persoalan
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
2017.
ISBN 9789834617912

ULASAN

Buku ini mengandungi enam bab yang secara khususnya membincangkan perihal satu masalah kesihatan yang lazim bagi semua peringkat umur di seluruh dunia, iaitu anemia. Dalam membincangkan dan menghuraikan permasalahan yang berkaitan dengan masalah kesihatan ini, penulis telah tampil dengan pelbagai hujah dan data-data secara saintifik menurut ilmu perubatan moden.

Dalam bab pertama, penulis memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami akan fungsi darah sebagai sistem pengairan badan. Sistem peredaran darah manusia boleh digambarkan sebagai sebuah sistem “utiliti air” yang tertutup. Menerusi bab ini, para pembaca akan memahami peranan sistem peredaran darah yang terdiri daripada komponen darah, jantung, dan pembuluh darah sebagai jentera pengepam darah yang penting untuk memastikan bekalan aliran darah dengan tekanan yang sesuai dapat dibekalkan kepada sel-sel badan.

“Kenali Sel Darah Merah” ialah bab yang kedua yang perlu dihayati oleh para pembaca untuk lebih memahami perihal penyakit anemia. Tak kenal maka

tak cinta, begitulah pepatah Melayu yang menggambarkan untuk mencintai sesuatu iaitu dengan mengenalinya terlebih dahulu. Melalui bab ini, penulis menjelaskan kepada para pembaca kepentingan sel darah merah atau nama saintifiknya, eritrosit dan hubungkait sel darah tanpa nukleus ini dengan anemia.

Kurang bertenaga dan cepat letih, mengantuk, pening dan sakit kepala, kesejukan pada kaki dan tangan serta sering berdebar dan kesukaran bernafas adalah antara simptom umum anemia. Bab ketiga buku ini menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai tanda-tanda seseorang itu mengalami penyakit anemia serta kaitan masalah anemia dengan kekurangan paras haemoglobin dalam darah seseorang pesakit. Manakala, tanda-tanda klinikal anemia dapat dikesan oleh pengamal perubatan melalui keadaan bahagian muka pesakit seperti kulit muka atau konjuntiva kelihatan pucat dan Jaundis atau warna kekuningan pada mata putih. Bab ini mampu menarik minat para pembaca kerana kebanyakan individu di dunia mengalami simptom di atas dan sudah tentu para pembaca akan berasa tertarik untuk meneruskan pembacaan melalui buku yang sangat berinformasi ini.

Penulis mengajak para pembaca berdiskusi secara tidak langsung mengenai kes penyebab anemia melalui bab keempat buku ini. Anemia bukanlah masalah sel darah merah secara mutlak. Anemia juga boleh disebabkan oleh pelbagai faktor kesihatan yang lain. Penulis memberi ringkasan penyebab anemia kepada tiga punca iaitu gangguan produksi sel darah merah, kekurangan nutrisi dan masalah yang menyebabkan peningkatan kadar kemusnahan sel darah merah. Penulis berkongsi bersama para pembaca perbincangan mengenai tujuh kes masalah kesihatan yang berkaitan dengan anemia. Antara kes yang menarik untuk dibaca ialah masalah anemia dalam kalangan ibu mengandung dan kes seorang lelaki pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan telah disahkan mengalami anemia.

Bab kelima yang bertajuk “Ujian Pengesahan Anemia dan Puncanya” menjelaskan tentang keperluan menjalankan beberapa jenis ujian makmal yang


melibatkan pemeriksaan lanjut pada sampel darah, urin dan kilang sumsum tulang terhadap pesakit untuk mengesahkan dan menentukan punca penyakit anemia. Pembacaan lanjut di bab ini akan memberi informasi kepada pembaca mengenai beberapa jenis ujian yang akan dilakukan terhadap pesakit seperti ujian rutin, ujian spesifik, ujian serologi, ujian pengesahan talasemia dan ujian pemeriksaan sumsum tulang oleh pengamal perubatan.

Bab terakhir karya ilmiah ini memberi harapan kepada para pembaca terutamanya yang telah termasuk dalam golongan pesakit anemia mengenai rawatan penyakit ini. Walaupun anemia bukanlah suatu penyakit yang mutlak, namun masalah kesihatan ini perlu dikenal pasti pada peringkat awal lagi bagi membolehkannya dirawat. Mengamalkan gaya hidup sihat melalui pengambilan makanan seimbang, mendapat rehat yang mencukupi, berfikiran positif serta patuh pada ajaran agama, serta rawatan transfusi darah merupakan antara langkah rawatan terhadap anemia yang dicadangkan oleh penulis. Selain itu, pengambilan suplemen yang mengandungi vitamin dan mineral tertentu amat diperlukan dalam mempercepat tindak balas pemulihan masalah anemia. Apakah vitamin atau mineral yang khusus untuk merawat anemia? dapatkanlah maklumat yang lengkap melalui buku yang padat dengan informasi bermanfaat ini.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya kepada mereka yang berisiko tinggi mendapat penyakit anemia ini mahupun sebagai perkongsian ilmu bersama ahli keluarga dan sahabat handai. Penerangan yang menarik berserta grafik, gambar, carta dan data-data yang terperinci yang cuba ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh semua individu yang menghargai kesihatan diri secara khususnya dan kesihatan keluarga dan masyarakat secara amnya.

Pengulas:	Muhammad bin Abdullah Penolong Pengarah Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia
-----------	---

ULASAN BUKU



MUHAMMAD DANIAL RAMLI
Membongkar Misteri Tamadun Awal Dunia : Pandangan Sisi Peradaban Manusia : Mesir Kuno
Petaling Jaya, Selangor: Hijjaz Recors Publishing, 2018.
ISBN 9789675391880

ULASAN

Mesir Kuno yang dikenali sebagai Bumi Firaun merupakan antara tamadun terawal dunia yang melambangkan kehebatan peradaban dunia silam yang semakin hilang daripada garis pensejarahan terutama dari sisi peradaban manusia. Kewujudan dan kegemilangan tamadun ini dikaitkan dengan kewujudan sumber air sungai sama seperti Tamadun Mesopotamia. Sungai Nil dikatakan kawasan paling subur di dunia dan merupakan sumber air utama kepada kegemilangan dan keutuhan peradaban manusia sehingga lebih dikenali dengan tamadun Lembah Sungai Nil.

Penulis memulakan penerokaan tamadun dengan membawa pembaca menyusuri kronologi dinasti bermula dari Pra- Dinasti iaitu 5500- 3500 SM hingga era Greco-ROM iaitu 332 SM hingga 641 SM. Latar belakang kemunculan digarap dengan sorotan kegemilangan setiap pemerintahan, kegemilangan dan kejayaan yang dikecapi oleh setiap dinasti. Huraian yang lengkap, mudah difahami dan mencipta keterujaan kepada pencinta sejarah agar terus menerokai

secara mendalam asbab kemunculan dan kegemilangan manusia hingga wujudnya tamadun agung yang dikenali sebagai Mesir Kuno.

Penulis memulakan sesi penghuraian dengan latar belakang Mesir Kuno yang dibahagikan kepada dua iaitu Mesir Hulu (*Upper Egypt*) dan Mesir Hilir (*Lower Egypt*). Kedua-duanya memiliki keunikannya tersendiri bukan sahaja dari segi keluasan daerah dan kedudukan geografinya tetapi juga digambarkan oleh penulis akan kepesatan sektor perindustrian. Sektor perdagangan menjadi sumber utama pendapatan penduduk terutama di Mesir Hilir. Mereka telah mendahului tamadun dengan menjalankan perdagangan dengan Timur Tengah, Mediteranean dan Utara Afrika. Keunikan tamadun ini juga dilihat melalui kepercayaan penduduk kepada lebih dari satu tuhan (anutan politeisme). Ia digambarkan melalui kewujudan 22 tuhan di Mesir Hulu (*Upper Egypt*) dan 20 nome di Mesir Hilir.

Selain itu peradaban manusia Mesir Kuno juga dikupas dengan jelas melalui penggunaan gambar rajah mengenai perkembangan bahasa dan sistem tulisan yang akhirnya membawa kepada penghasilan kertas daripada pokok papyrus. Perkembangan bentuk-bentuk tulisan awal dari tulisan hieroglif dan kemudiannya ditukar kepada bentuk tulisan hieratik dan akhirnya demotik turut dipaparkan dengan begitu jelas kepada pembaca.

Sistem pemerintahan, sistem ekonomi dan sosial Mesir Kuno turut disimpulkan dengan kegemilangan pemerintahan yang kebanyakannya didominasi oleh Firaun sebagai ketua tertinggi. Buku ini turut membawa pembaca menyelami misteri pemerintahan yang diketuai oleh Firaun wanita seperti Nitocric, Ahhotep I, Hatshepsut, Nefertiti dan Twosret. Mesir Kuno yang dimanifestasikan melalui pembinaan monumen misteri seperti makan, piramid, sphinx, kuil-kuil dan obelisk.

Skop penulisan juga tidak hanya tertumpu kepada pemerintahan dan kepercayaan tetapi ketamadunan ini juga dilihat dari segi strata sosial. Golongan

wanita mendapat pengiktirafan sebagai pemimpin dan diiktiraf sebagai isteri wanita atau hemes nesut.

Penemuan sains dan teknologi aras tinggi dapat dilihat melalui penemuan batubatan kaca di kawasan gurun pasir yang digelar sebagai ‘Gurun Kaca Libya’. Gurun ini merupakan gurun pasir di dunia yang mengandungi batu kaca silika. Kumbang Scarabatau atau Scarabaeus Sacer adalah seekor kumbang jantan yang dianggap sebagai binatang suci berdasarkan kajian perilaku yang dikaitkan dengan kepercayaan Mesir Kuno.

Peradaban tamadun Mesir Kuno turut berkembang dari segi pengaplikasian kejuruteraan elektrik. Melalui penghasilan cahaya dendera membuktikan peradaban ketamadunan masyarakat Mesir Kuno telah maju. Kepesatan ekonomi cenderung kepada peluang pekerjaan masyarakat Mesir Kuno. Penggunaan kalendar dalam penentuan masa juga turut diperkenalkan dan digunakan oleh masyarakat dalam menentukan masa dan hari. *The Book of the Dead* merupakan karya sastera terkenal dan dianggap mantera suci yang akan mampu memberi petunjuk, pelindung dan pembimbing kepada orang yang telah mati.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah rentetan sejarah atau peradaban silam melalui pengisahan pembentukan dan pembinaan monumen yang utuh dan dikagumi sehingga kini. Piramid merupakan monumen penuh misteri dari segi kemunculan idea seni bina, kegigihan dan ketelitian masyarakat Mesir Kuno. Kejayaan pembinaan menjadi bukti kepada ketinggian ilmu kejuruteraan masyarakat Mesir Kuno. Masyarakat Mesir Kuno menitikberatkan elemen kepercayaan dan ketaatan kepada pemerintahan dalam setiap pembinaan hingga terhasilnya piramid. Antara piramid yang terkenal adalah piramid Giza, piramid Abu Rawash, piramid Abu Sir, piramid Saqqara, piramid Dhshur, piramid List, piramid Meidum, piramid Hawara, piramid El-Lahun dan piramid El-Kurru. Setiap piramid mempunyai keajaibannya dan seni halus yang tersendiri.

Bagi pembaca dan penyelidik yang meminati bidang sejarah, buku ini amat sesuai dijadikan rujukan dalam mendapatkan fakta-fakta penting berkaitan ketamadunan masyarakat Mesir Kuno. Penulis bukan sahaja mengupas dari aspek politik, ekonomi dan sosial masyarakat tetapi tidak ketinggalan memuatkan penulisan berkaitan mitos-mitos yang menjadi pegangan masyarakat Mesir Kuno. Sphinx adalah mitos yang terkenal iaitu singa berkepala manusia yang diterapkan pada setiap monumen sebagai simbol kepercayaan masyarakat Mesir Kuno sebagai penjaga piramid. Singa dikatakan sebagai lambang kekuatan dan keberanian. Ia menjadi symbol utama dalam setiap monumen. Namun demikian, mitos sphinx sering berubah-ubah oleh pembuatnya mengikut negara. Namun seni bina masyarakat Mesir Kuno tetap utuh dan penuh misteri serta penilaian masayarakat terhadap seni pertukangan masyarakat Mesir Kuno adalah tinggi.

Pada pendapat pengulas, bab 5 “25 Nabi dan Rasul” merupakan antara bab yang penting untuk disentuh kerana disinilah terjadinya konspirasi untuk meneutralkan kembali masyarakat Mesir Kuno yang amat taksub dengan Firaun terutama dari segi fahaman dan kepercayaan masyarakat. Penulis merungkai setiap persoalan dengan memaparkan salasilah pemerintah melalui pengisahan 25 rasul yang wajib diketahui dan difahami akan peranannya.

Walaubagaimanapun dalam tamadun Mesir Kuno terdapat tiga rasul dan seorang nabi diutuskan dalam tempoh masa yang berbeza. Bab ini juga turut menyentuh terminologi yang digunakan semasa zaman Firaun, Bible dan Al-Quran. Penggunaan istilah yang berlainan ini disifatkan sebagai Anakronisme. Istilah ini berasal dari Bahasa Yunani iaitu ana yang membawa maksud terhadap dan khronos ialah masa. Gabungan istilah ini merujuk kepada beberapa kamus yang telah dihasilkan semasa zaman Firaun. Contohnya WorTech Der Aegyptischen Sprache adalah kamus yang komprehensif yang merangkumi 3000 tahun sejarah linguistik. Ia mengandungi 16,000 kosa kata dalam lima jilid utama, dua jilid sekunder dan lima jilid rujukan sumber primer. Ia diangkat sebagai kamus yang paling lengkap mengenai Mesir Kuno.

Penulis juga turut memperlihatkan akan perjuangan Nabi Yusuf, Nabi Musa, Nabi Khidir, Nabi Harun dan khalifah Islam dalam memerintah Mesir. Namun setiap pemerintahan wujud kekuatan dan kelemahan. Zaman kegemilangan yang dikecapi runtuhan apabila masyarakat Mesir Kuno pada waktu itu enggan menerima ajaran agama Islam dan memutuskan untuk berperang.


Penulis berjaya menyampaikan kisah misteri Tamadun Awal Dunia dari sudut pandangan sisi peradaban manusia Mesir Kuno secara menyeluruh dari awal kemunculan, perkembangan, zaman kegemilangan dan akhirnya zaman keruntuhan. Rentetan bab yang saling berkait memudahkan pembaca lebih memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan dan diolah secara bersahaja. Gaya penceritaan dan penyampaian bagi setiap peristiwa dimantapkan dengan fakta-fakta dan statistik yang terperinci serta dikukuhkan dengan bukti bergambar.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati sejarah kuno, buku ini amat sesuai dibaca dan dijadikan rujukan kepada semua pencinta sejarah dan penyelidik. Buku ini mengandungi fakta dan berkonsepkan ilmiah yang mana gaya penulisannya disusun secara sistematik dan kemas. Penggunaan gambar rajah serta gambar berwarna dalam pembuktian fakta-fakta yang dicatatkan dalam buku ini menambahkan lagi keseronokan untuk meneruskan pembacaan sehingga ke akhir bab. Selain itu, buku ini juga sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan menggunakan kaedah santai.

Pengulas:

ROHAIZAH MOHD RAFEE
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



DATO' DR. MOHD FADZILAH KAMSAH & DR.
SYAIDATUN NAZIRAH
Psikologi Cinta
Gombak, Selangor: PTS Publishing House Sdn.
Bhd., 2018.
ISBN 9789674812126

ULASAN

Cinta, setiap insan yang bernyawa memerlukan cinta. Cinta merupakan fitrah kerana setiap manusia dianugerahkan perasaan ingin disayangi dan menyayangi. Bercinta bukanlah menjadi satu kesalahan asalkan masih dalam batasan agama. Cinta ini subjektif dan juga bukan sahaja antara dua pasangan berlainan jantina iaitu lelaki dan perempuan, ia juga merangkumi cinta kepada ibu bapa, cinta kepada keluarga dan paling utama cinta kepada yang Esa.

Buku berjudul Psikologi Cinta karangan pakar motivasi Dato' Dr. Fadzilah Kamsah dan Dr. Syaidatun Nazirah ini sangat bertepatan dengan judul yang diberikan. Buku ini berkisarkan bagaimana menjadikan cinta ini satu kemanisan dalam hidup. Selain itu penulis telah memberi pelbagai tips bagi mendapatkan cinta yang abadi yang bukan berlandaskan paras rupa dan nafsu tetapi bercinta bagi mendapatkan cinta abadi iaitu cinta kepada ALLAH S.W.T. Penulis juga memberikan erti cinta sebenar serta kajian terdahulu berkenaan cinta serta perbezaan cinta dari barat.

Penulis menyampaikan maksud cinta tersebut dalam bahasa yang lebih ringkas dan dari sudut pandangan yang lebih berbeza iaitu merangkumi perspektif akademik dan juga agama. Naskhah ini amat sesuai dibaca oleh pelbagai golongan iaitu remaja dan juga dewasa. Terdapat juga hadis-hadis sahih yang dimuatkan dalam naskhah ini. Kajian sarjana juga turut dimuatkan dalam naskhah ini di mana penulis juga merupakan salah seorang sarjana yang telah mengkaji dengan lebih mendalam mengenai apa itu yang dikatakan cinta.

Antara pengisian yang dimuatkan dalam naskhah ini adalah pengertian cinta, cinta orang Islam dan perbandingan cinta dengan masyarakat barat, teori masyarakat barat mengenai cinta itu sendiri. Sarjana Islam iaitu Imam Ghazali mendefinisikan cinta sebagai suatu kecenderungan yang membawa kepada perasaan yang menyenangkan. Ia adalah tarikan pemikiran, kesudian, dan kecenderungan kepada sesuatu yang disukai. Berbeza dengan definisi sarjana barat, mereka mendefinisikan cinta sebagai suatu hubungan yang berlandaskan nafsu, keintiman, dan komitmen. Hari ini kita lebih terpengaruh dengan sarjana barat yang mengaitkan cinta hanya berlandaskan hubungan fizikal sahaja.

Bagi pembaca yang sedang mencari pasangan hidup, dan yang telah mendirikan rumah tangga, penulis menggariskan beberapa adab percintaan di mana jatuh cinta dengan jiran sekampung, jatuh cinta dengan rakan sekerja atau majikan mahupun pekerja bawahan. Pasangan haruslah menjaga adab masing-masing. Tidak terlalu kerap bertemu berdua-duaan jika masih belum berkahwin, lebih manis jika membawa mahram atau teman bersama. Jika pasangan satu pejabat, perlulah bijak membezakan urusan kerja dan juga peribadi. Masalah di rumah tidak seharusnya dibawa sehingga ke pejabat kerana akan menjelaskan prestasi kerja. Percintaan antara pekerja dan majikan seharusnya tidak bersikap pilih kasih antara pekerja lain. Berkemungkinan besar akan ada pekerja yang tidak berpuas hati kerana perhatian lebih akan diberikan kepada pasangan. Antara tips yang diberikan oleh penulis adalah jaga pandangan masyarakat dan tidak menimbulkan fitnah, hormati pandangan orang yang lebih berpengalaman,

fahami psikologi kekasih dan ahli keluarganya, jangan merampas kekasih orang lain, dan hormati batas-batas pergaulan jika belum berkahwin.

Penulis juga menuntut setiap pasangan memahami pasangan masing-masing. Setiap pasangan mempunyai sikap dan karakter berbeza merujuk kedudukan anak tersebut dalam keluarga. Kajian telah membuktikan pasangan anak tunggal berbeza dengan anak yang mempunyai adik-beradik yang ramai. Sama juga jika pasangan merupakan anak sulung, ia amat berbeza dengan anak bongsu. Sebelum ke langkah yang seterusnya iaitu mendirikan rumah tangga, pasangan haruslah memahami pasangannya kerana mereka berdua akan hidup bersama dalam melayari bahtera perkahwinan. Kurang memahami antara pasangan akan menyebabkan kerap berlakunya salah faham antara keduanya.

Penulis juga menyatakan bahawa ada empat cara mencari cinta iaitu melalui amalan hati, amalan sosial, amalan fikiran, dan juga amalan fizikal. Keempat-empat amalan ini haruslah seiring. Menurut Islam, jika masih keliru membuat pilihan dalam mencari jodoh eloklah kiranya membuat solat istikhara. Mohon petunjuk dari ALLAH S.W.T. Setiap manusia yang sedang mencari pasangan hidup mahupun telah ada pasangan hidup haruslah berbuat baik kepada orang-orang yang dicintai, peliharalah hubungan, tutur kata, perbuatan, dan segala tingkah laku. Cinta tidak boleh dipaksa, ia akan datang dengan sendirinya. Tetapkanlah niat supaya cinta itu mendapat restu dan reda ALLAH swt.

Pada pendapat pengulas, bab 6 adalah bab yang paling penting dalam naskhah ini di mana ia menceritakan pengaruh cinta itu kepada masyarakat sekeliling. Cinta sejak berzaman-zaman memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan umat manusia. Ia bermula dengan kisah percintaan Nabi Adam dan Hawa yang terpisah bertahun-tahun dan kemudian bertemu kembali di Jabal Rahmah yang kini menjadi tempat persinggahan umat Islam seantero dunia bagi mengerjakan ibadah Umrah. Begitu juga dengan kisah percintaan Nabi Yusuf dan juga Zulaika yang menjadi pedoman kepada seluruh umat manusia sehingga ke hari ini. Setiap pasangan haruslah berusaha sebaiknya untuk menjadikan perasaan cinta itu


sebagai tiket bagi keduanya mendapat cinta ALLAH S.W.T. Bukan hanya cinta bagi melampiaskan nafsu semata-mata. Penting juga bagi setiap pasangan mendapat restu daripada keluarga. Jadikan keluarga kedua belah pihak bersatu dan membentuk keluarga besar yang bahagia.

Pengulas amat mengesyorkan naskhah ini untuk dimiliki dan dibaca oleh semua peringkat umur. Bagi pasangan muda yang sedang hangat bercinta, janganlah hanyut dengan cinta duniawi, carilah cinta yang akan membawa keduanya ke syurga ALLAH S.W.T. Mohonlah restu kedua ibubapa dan keluarga kerana cinta yang dibina dengan restu akan berkekalan selamanya dan akan melahirkan generasi yang beriman lagi bertakwa.

Pengulas:

Norhamiza Binti Mohamad Hanopiah
Penolong Pengarah
Pusat Rujukan Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Dr. Kamilin Jamilin
SILA BACA JANGAN TIDUR : 101
Bingkisan ilmu, Nasihat, Dakwah & Isu
Semasa
Shah Alam, Selangor: Grup Buku
Karangkraf, 2019.
ISBN : 9789678609241

ULASAN

SILA BACA JANGAN TIDUR : buku ilmiah karangan Dr. Kamilin Jamilin, seorang pendakwah, selebriti TV dan Ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan dan Perlis. Buku karangan beliau ini disajikan kepada masyarakat dalam bentuk yang mudah difahami, ringkas tetapi sarat dengan sandaran Al-Quran dan al-Hadith.

Buku ini disampaikan dalam bentuk teguran dan nasihat yang berhikmah kepada pelbagai lapisan masyarakat iaitu pelajar atau penuntut ilmu, ibu-bapa, pendidik, pendakwah sehingga kepada pemimpin masyarakat dan negara. Di sini penulis cuba mendekati masyarakat melalui rungkai permasalahan yang berlaku dan memberi resolusi kepada permasalahan tersebut berdasarkan bimbingan daripada Al-Quran dan Al-Hadith dengan mendatangkan nas-nas tepat dan jitu.

Buku ini dibahagikan kepada empat (4) bab seperti yang berikut:

Bab Pertama: **Untaian Nasihat** banyak memberi panduan kepada penuntut ilmu bagaimana untuk menjadi pendidik atau murabbi yang benar-benar ikhlas dalam

menuntut ilmu. Penulis turut memberi penekanan kepada pendidikan adab sebagai jalan utama untuk mencapai hasrat tersebut. Turut ditekankan juga sikap seorang pendidik atau pendakwah setelah terjun ke arena dakwah dalam membimbing masyarakat ke arah jalan sebenar yang diredhai Allah.

Bab kedua: **Risalah Dakwah** penulis banyak menampilkan senario yang berlaku dalam kalangan murabbi atau pendakwah masa kini dengan pelbagai perbezaan pendapat yang wujud, timbulnya pertelingkahan dan juga ada di kalangan mereka yang menjadikan dakwah asbab untuk bermegah. Di sini penulis cuba menampakkan ketegasan beliau dalam menanggani isu-isu sebegini dan penulis mencontohi tindakan Rasulullah s.a.w dan para sahabat dalam menanggani isu-isu tersebut.

Bab ketiga: **Isu Semasa** menyentuh isu-isu semasa berkaitan dengan agama yang menimbulkan kecelaruan kepada masyarakat dan umat Islam untuk mendapatkan jawapannya. Penulis mengupas isu-isu berkaitan salah faham agama, peminangan dan perkahwinan, poligami, jenayah rogol, pesta arak, dilema institusi tahfiz dan pelbagai lagi.

Bab keempat: **Kupasan Ilmu** pula penulis mengupas perkara yang berlaku dalam kehidupan masyarakat sehari-hari seperti mengejutkan pasangan untuk solat, sailang perniagaan orang lain, mohon untuk didoakan, meminta bantuan jin, ucapan Ramadan Karim, dan pelbagai lagi kebiasaan yang dilakukan dalam masyarakat dikupas bagi memberi panduan sebenar yang perlu dilakukan oleh masyarakat apabila berhadapan dengan perkara tersebut.

Keseluruhan kandungan buku SILA BACA JANGAN TIDUR boleh menjadi panduan ringkas tetapi padat kepada masyarakat pelbagai latar belakang bagi menjawab banyak kekeliruan yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini.

Pengulas:


Nor Azila Mohd Noor

Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ADI AFUAN ZAINUDIN
TEKNIK INTERVIU DAN PENGURUSAN KERJAYA
Shah Alam, Selangor: IM BOOKS.
EVERYTHING, 2019.
ISBN 9789671406083

ULASAN

Setiap orang bercita-cita mempunyai kerjaya atau jawatan yang diimpikan. Untuk memperoleh jawatan atau kerjaya yang diimpikan, kita perlu melalui proses temuduga atau *interview*. Saban tahun, ramai graduan yang menamatkan pengajian mereka dari Institusi Pengajian Tinggi. Terdapat graduan yang berjaya mendapatkan pekerjaan selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian dan juga ada yang mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian. Namun begitu, ada dalam kalangan graduan yang gagal mendapat pekerjaan walaupun telah banyak menghadiri sesi temuduga.

Justeru, buku ini bertujuan sebagai panduan buat para graduan dan pencari pekerjaan yang ingin mempertingkatkan teknik interview dalam mencari peluang pekerjaan dan juga pengurusan kerjaya mereka. Terdapat juga tip temuduga, tip kerjaya, tip fahami iklan pekerjaan, tip *resume* dan juga tip sampel soalan temuduga.

Buku ini merupakan satu panduan lengkap teknik interview dan pengurusan kerjaya hasil penulisan dari seorang pakar dalam bidang sumber manusia yang

berpengalaman luas di dalam aspek transformasi perniagaan, latihan dan pengurusan projek dan juga penemuduga yang bertauliah dalam pengurusan kerjaya mereka.

Antara topik-topik yang dibincangkan secara terperinci oleh penulis di dalam buku ini adalah Model Tindakan Kerjaya iaitu gambar rajah yang dapat menerangkan secara lengkap dan jelas mengenai proses kerjaya seseorang graduan. Buku yang ditulis oleh Adi Afuan Zainudin ini juga memperincikan perkara yang sepatutnya dilakukan oleh pencari pekerjaan, dan penulis memperkenalkan satu modul yang akan membantu para pencari pekerjaan untuk mencipta peluang yang lebih tinggi dalam mendapatkan peluang pekerjaan yang diidamkan. Model Tindakan Kerjaya digambarkan dalam bentuk gambar rajah oleh penulis. Model Tindakan Kerjaya ini menggambarkan tindakan yang akan diambil oleh graduan atau pencari pekerjaan melalui tiga fasa, iaitu Persediaan, Interviu (sebelum/semasa/selepas) dan Telusi "*Job Market*". Setiap langkah dalam model ini diperjelaskan secara teliti oleh penulis, dan terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian 1: Kenali Diri, Bahagian 2: Arah Kerjaya: Usahawan atau makan gaji? dan Bahagian 3: Persediaan.

Topik-topik lain ialah Arah Kerjaya, Persediaan Graduan, Memahami Iklan Pekerjaan dan Sesi Interviu. Topik Sesi Interviu menyenaraikan contoh-contoh soalan serta jawapannya dan juga membincangkan perkara yang perlu dilakukan selepas interviu berakhir. Topik terakhir adalah mengenai tahun pertama di alam pekerjaan yang mempunyai sambungannya pada penerbitan yang akan datang.

Buku ini mempunyai banyak gambar rajah dan jadual yang berwarna yang memudahkan kefahaman pembaca. Bahasa yang digunakan dalam penulisan buku ini juga mudah dan ringkas serta senang difahami oleh pembaca.

Antara topik yang bakal menarik perhatian pembaca ialah Topik Sesi Interviu. Topik ini akan membantu pembaca untuk membuat persediaan untuk menghadapi sesi interviu dari segi penyelidikan mengenai latar belakang

organisasi, dokumen yang perlu dilengkapkan dan disediakan, penampilan diri dan empat belas (14) contoh soalan interview dan strategi menjawab soalan yang boleh digunakan semasa menghadiri sesi interview. Contoh-contoh soalan dan jawapan ini dapat memberi sedikit sebanyak bayangan kepada calon-calon interview untuk membuat ulang kaji berkenaan soalan yang akan ditanya semasa sesi interview dijalankan.


Penulis juga berkongsi tip untuk memahami iklan jawatan kosong yang kadangkala disalah tafsir oleh para pencari pekerjaan. Antara yang dirungkaikan adalah frasa atau perkataan yang sering digunakan oleh majikan di dalam pengiklanan. Setiap frasa yang sering digunakan dalam iklan jawatan kosong mempunyai maksud tertentu dan penulis menghuraikan maksud setiap frasa yang digunakan. Penerangan berkenaan frasa-frasa ini akan membantu pembaca untuk lebih memahami dalam mentafsir iklan jawatan kosong yang diiklankan oleh pihak majikan.

Penerbitan buku ini amat bersesuaian dan disyorkan kepada para pembaca yang bakal bergraduasi menamatkan pengajian atau kepada para pencari pekerjaan yang sedang mencari pekerjaan atau jawatan idaman mereka. Terdapat banyak tip-tip yang boleh dimanfaatkan daripada buku ini dalam membuat persediaan untuk menghadapi interview dan juga cara untuk menguruskan kerjaya mereka.

Pengulas:

Mavis Viviena anak Alvin Morris
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



OKI SETIANA DEWI
Cahaya Terang Di Negeri Orang
Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn. Bhd.,
2019.
ISBN 9789672038757

ULASAN

Jauh berjalan luas pemandangan tambah pengetahuan. Itulah ungkapan yang sesuai untuk buku ini. Perkongsian pengalaman dan ilmu di samping unsur motivasi telah diterapkan oleh penulisnya iaitu Oki Setiana Dewi, seorang yang sangat cinta kepada ilmu sehingga membawanya mengembara ke Melbourne, Canberra dan Sydney yang terletak di negara Australia. Tujuan pengembalaan beliau adalah untuk mendalami ilmu tentang kehidupan sosial, budaya dan peranan agama di negara tersebut.

Ilmu pengetahuan bukan sahaja boleh diperolehi dari pembacaan, tetapi juga boleh diperolehi dari apa yang kita lihat, apa yang kita lalui dalam kehidupan dan apa yang kita dengar.

Setiap tempat yang dilawati akan ada sejarahnya yang turut dimuatkan dalam tulisan ini. Sedikit sejarah kedatangan Islam ke Australia menjadi asas kepada permulaan pengembalaan ilmu oleh penulis. Buku ini menceritakan mengenai Islam mula masuk ke Australia sebelum kedatangan penjajah Eropah. Sejak tahun 1650, nelayan Muslim dari Asia Tenggara menjalinkan kerjasama dan berdagang dengan orang asli yang berada di bahagian utara Australia. Rentetan daripada itu, sekitar tahun 1860-an, kira-kira 3000 pengembala unta dari

Afganistan dan India telah meneroka kawasan pedalaman Australia, menjadikan jumlah penduduk Muslim meningkat dari tahun sebelumnya.

Fokus utama penulis dalam penjelajahannya adalah mencari, mendapat dan mengumpul sebanyak mungkin berkaitan dengan ilmu yang boleh memberi manfaat kepada ummah. Menggariskan tiga (3) cara berdakwah yang berkesan berpandukan kepada surah an-Nahl, ayat 125, iaitu:

1. cara hikmah,
2. pelajaran yang terbaik, dan,
3. berdebat.

Walau bagaimanapun, ianya perlu kepada ilmu yang mantap, penjelasan dan perincian yang mendalam kepada tiga perkara atau cara tersebut sebelum melaksanakan dakwah.

Setelah memperolehi ilmu di bumi Australia, penulis dan rombongannya terbang pula ke Berlin, Jerman, bagi melanjutkan pencarian dalam mempelajari ilmu Islam di luar Indonesia. Pengembalaan diteruskan dengan mengunjungi pelbagai institusi pengajian tinggi, komuniti Muslim, organisasi Islam, melawat warisan budaya di Berlin dan seterusnya mengadakan perbincangan di Gottingen and Frankfurt am Main. Pengalaman berinteraksi dengan golongan imigran Muslim di Rollbergviertel telah menginsafkan penulis bahawa setiap daripada kita perlu bersyukur dengan apa yang kita ada sekarang ini yang lebih keadaannya daripada mereka yang menjadi perlarian.

Pengembalaan diteruskan ke bumi Sepanyol dengan topik yang sangat menarik iaitu ‘Tanah Andalusia yang menyentuh kalbu’. Semua sedia maklum akan Andalusia yang sering dikaitkan dengan sejarah Islamnya. Pemergian ke Sepanyol bertujuan menyertai kempen menyokong pembinaan masjid atau Pusat Kebudayaan Islam dan Wakaf Sevilla. Penulis menitipkan kepada pembaca akan cerita sejarah Islam di Sepanyol yang menampilkan dan melahirkan ramai cendekiawan Islam di zaman pemerintahan khalifah Bani Umayyah. Kejatuhan Islam di Andalusia turut diselitkan kisahnya oleh penulis di dalam buku ini. Kisah Sevilla menjadi focus utama dalam ceritanya. Apakah kisahnya? Pembaca wajib memperoleh senaskhah buku ini dan tidak akan merasa satu kerugian atau membuang masa membaca naskhah ini.

Penulis berkongsi ilmunya dalam bentuk penceritaan. Mudah difahami dan merasa menjadi salah seorang ahli rombongan dalam pengembalaan tersebut. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Menggunakan ayat-ayat al-Quran dan hadis sebagai penguat kepada ilmu yang hendak disampaikan dalam buku ini.


Setiap kehidupan seorang hamba di dunia ini perlu kepada ilmu pengetahuan agar perjalanan hidup lebih tersusun dan teratur sehingga Allah menjemput untuk kembali kepadaNya. Pembacaan dari buku ini dapat membuka mata, menjentik pemikiran dan menambah pengetahuan.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati buku berkisar travelog untuk memilikinya. Bukan naskhah yang kosong tetapi penuh pengisian dan padat dengan ilmu serta pengajaran.

Pengulas:

Maulidiah binti Abd Rahman
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MEJAR NAZAR TALIB
Den Comando : Misi di bumi Bosnia
Taiping, Perak : Mejar Nazar Talib, 2020.
ISBN 9789671802205

ULASAN

Sebuah konflik bersenjata antarabangsa telah berlaku di Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1992 hingga 1995. Berikutan berlakunya sejumlah peristiwa keganasan pada awal tahun 1992, perang ini dipercayai bermula pada 1 Mac 1992 dan tamat pada 14 Disember 1995. Pihak-pihak utama yang bertelagah adalah tentera Republik Bosnia dan Herzegovina dengan etnik Serb and Croat Bosnia yang membuat pengisytiharan akan entiti berasingan di dalam wilayah Bosnia dan Herzegovina, Republika Srpska dan Herzeg-Bosnia, yang mana telah dipimpin dan disokong oleh Serbia dan Croatia. Konflik yang berlarutan hampir 5 tahun ini telah mengorbankan hampir 250,000 rakyat Bosnia Herzegovina.

Peristiwa yang berlaku pada Julai 1995 menjadi titik hitam kepada umat Islam Bosnia apabila tentera Serbia mengepung bandar Srebrenica dan melakukan pembunuhan kejam beramai-beramai tanpa rasa belas kasihan dan ihsan. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah ditugaskan untuk menyumbang tenaga ketika krisis tersebut. ATM menghantar anggotanya berkhidmat di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk misi keamanan.

Buku berjudul Den Comando : Misi di bumi Bosnia karangan Mejar Nazar Talib mengisahkan pengalaman peribadi penulis yang pernah ditugaskan bersama unit elit ATM – 11 Rejimen Gerak Khas selepas berakhirnya konflik peperangan di Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1996.

Penulis menyampaikan buku ini dalam bentuk anekdot. Pengisahan yang ditulis dalam buku ini adalah merupakan kisah peribadi, pandangan dan pengalaman beliau sendiri semasa bertugas bersama unit CRT 11 RGK di Bosnia. Beliau berkongsi pengalaman pahit manis ketika bertugas di negara yang sedang bergolak menerusi misi pengamanan di bawah Pasukan Pelindung Bangsa-bangsa Bersatu (UNPROFOR).

Pembaca akan lebih memahami dan mudah membayangkan setiap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis. Bahasa yang digunakan juga mudah dan ringkas tanpa menggunakan sebarang ayat kiasan. Penulis turut menyertakan gambar-gambar beliau semasa bertugas dalam misi ini.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah latar belakang konflik di Bosnia secara ringkas oleh penulis. Ini akan membantu pembaca memahami dengan mudah pihak-pihak utama yang terlibat dengan konflik ini. Penulis juga memberikan data ringkas tentang perlakuan-perlakuan kejam terhadap mangsa peperangan ini. Selain daripada itu, penulis juga menceritakan secara ringkas tentang usaha-usaha yang melibatkan pelbagai pihak untuk mencari penyelesaian konflik berdarah di antara puak-puak Serb dan Croats menentang pihak tentera Bosnia dan Herzegovina.

Penulis menulis buku ini untuk berkongsi pengalaman beliau dengan pembaca semasa bertugas di Bosnia. Oleh itu, buku ini digarap berdasarkan kepada pandangan dan pendapat peribadi penulis sendiri dan bukannya berlandaskan kepada rekod rasmi Rejimen Ke-11 Gerak Khas. Dengan membaca buku ini,

pembaca akan dapat memahami pengalaman dan kejadian yang ingin disampaikan oleh penulis.

Bagi pembaca yang meminati kisah peperangan, buku ini juga menyebut dan menjelaskan taktik-taktik peperangan yang terjadi sepanjang penulis bertugas bersama rejimen beliau. Beberapa kisah misi yang dilakukan sepanjang rejimen Malaysia berada di Bosnia juga diselitkan dalam buku ini.

Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang ingin mengetahui tentang kisah pergolakan di Bosnia Herzegovina untuk membaca buku ini. Buku ini amat mudah untuk difahami dan juga tidak berbentuk anekdot semata-mata kerana penulis juga menyertakan pelbagai sumber bagi menguatkan fakta-fakta yang diberikan dalam buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca pada semua peringkat usia kerana cara penyampaiannya yang bersahaja.

Pengulas:

Adelien Sualin
Penolong Pustakawan
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Carol Yong Ooi Lin

WANITA DI SABAH : KAMI TARAF APA? : ANTARA KEDUDUKAN TERSISIH DAN HAK SAKSAMA

Kota Kinabalu, Sabah : SAWO (Kumpulan Daya Tindakan Wanita Sabah), 2019.

ISBN : 9789671773406

ULASAN

Buku ini secara umumnya memaparkan beberapa isu-isu hak saksama wanita di Sabah yang tidak dikaji secara serius dan sistematik. Karya ini berkaitan status dan sumbangsih wanita di Sabah yang masih kurang dan menganalisa isu-isu berkaitan dengan wanita Sabah serta dapat menyumbang ke arah membentuk sebuah masyarakat yang lebih kesaksamaan gender dan pembangunan mampan. Permulaan buku ini berkisarkan pengenalan negeri Sabah dan masyarakat serta sejarah Sabah sepantas lalu seperti perdagangan awal serta penyebaran kuasa oleh pemerintahan Eropah di negeri ini pada masa lalu. Negeri Sabah telah menyaksikan sejarah dan pembangunan ekonomi yang berbeza berbanding Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Seterusnya membincangkan hal wanita dan ekonomi di Sabah yang berdasarkan laporan banci jumlah individu dikira sebagai tenaga kerja pada tahun 1980. Posisi wanita cuma berjumlah 31 peratus daripada tenaga kerja, manakala 66.3 peratus daripada mereka tidak diketahui. Malangnya statistik begini mempengaruhi persepsi para perancang, pemimpin dan masyarakat terhadap wanita. Mereka dianggap tidak menyumbang kepada ekonomi dalam apa-apa bentuk yang bermakna. Pandangan yang tidak tepat ini boleh dilihat dengan menilai satu per satu, peranan dan

kedudukan wanita dalam ekonomi luar bandar dan bandar di Sabah. Kategori wanita dalam sektor luar bandar pula, lebih daripada tiga perempat penduduk wanita Sabah tinggal di kawasan luar bandar. Ekonomi di kawasan bandar pula bukanlah jenis berteknologi tinggi atau berskala industri besar. Justeru, boleh dikatakan kekayaan Sabah datangnya dari sektor luar bandar biarpun secara tidak langsung. Wanita di luar bandar merupakan sebahagian daripada komponen ekonomi luar bandar. Malahan wanita Sabah turut menyumbang kepada pengeluaran hasil pertanian seperti membuka tanah, membajak, menanam, menjaga, menuai dan memproses padi.

Antara kandungan yang dapat menarik pembaca adalah berkaitan wanita dan politik. Penulis mendefinisikan politik sebagai kerajaan atau pemerintah, parti-parti politik dan pilihan raya yang menghadkan penglibatan wanita dalam politik. Pengarang juga mengatakan politik dalam erti kata yang paling luas, bermaksud semua keputusan yang membawa kesan ke atas kehidupan masyarakat, dari segi pembangunan ekonomi kepada keganasan dalam rumah tangga. Melihat dari sudut pandangan ini, biarpun betapa pentingnya seorang wanita dalam keluarganya atau masyarakat, golongan wanita kelihatan masih lagi tidak diberi perhatian yang setimpal.

Penulis menggambarkan wanita dan sosio-budaya di Sabah yang terdiri daripada berbilang suku etnik dan kepelbagaiannya budaya. Ciri-ciri budaya yang merendahkan kedudukan wanita berlaku dalam mana-mana masyarakat. Oleh yang demikian, sosio-budaya tradisional Sabah juga mempengaruhi dan menetapkan tempat dan status wanita. Cerita ini bukanlah untuk menggambarkan tahap penderitaan kaum wanita, malah untuk melihat secara menyeluruh kedudukan dan kerumitan kehidupan seseorang wanita di Sabah dalam arus perubahan sosio-ekonomi. Penulis juga selitkan kehidupan ibu beliau yang pernah melalui keganasan rumah tangganya. Bapa beliau berhenti memukul ibunya buat seketika ibunya melahirkan seorang anak lelaki dan menghilangkan diri semasa penulis berumur 10 tahun serta mendirikan rumah tangga dengan wanita lain di Kota Kinabalu. Selepas kehilangan bapanya hidup penulis dan keluarganya bertukar derita. Beliau menamatkan pembelajarannya pada umur 12 tahun dan mula menolong ibunya. Lambat laun adik beradiknya juga berhenti sekolah. Adik beradik lelaki penulis menolong ibunya di

sawah padi pada siang hari malah beliau dengan adik beradiknya perempuannya menolong ibu mengurus rumah seperti membersih rumah dan menjaga ternakan.

Bab seterusnya, berkaitan wanita dan pendidikan. Penulis mengatakan di bawah penjajahan Inggeris, pendidikan adalah alat untuk melatih pegawai-pegawai rendah di peringkat pentadbiran tempatan yang akan berkhidmat untuk pentadbiran penjajah. Persekolahan bukannya proses untuk membangunkan kebolehan dan minat seseorang. Pengarang berhujah pendidikan dan latihan di Malaysia adalah sebahagian daripada pembangunan negara. Teras utamanya ialah ke arah mencapai objektif keseluruhan perpaduan negara, membasmi kemiskinan dan menstrukturkan semula masyarakat. Di Sabah, seperti negeri-negeri lain di Malaysia, “pendidikan” sering dianggap sebagai sistem persekolahan formal berdasarkan struktur yang teratur di bawah Kementerian Pendidikan dan kementerian ini mempunyai kuasa dalam semua bidang pendidikan termasuk sekolah swasta. Penulis juga menyelitkan isu sistem pendidikan formal serta perbezaan antara luar bandar dan bandar. Pihak penjajah hanya melatih orang tempatan bagi mengisi kekosongan dalam pentadbiran rendah. Oleh itu, sukanan pelajaran telah direka mengikut kesesuaian segelintir ilmuwan pribumi, terutamanya anak-anak Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung di kawasan bandar bahagian pantai barat Sabah. Kanak-kanak pribumi diajar setakat boleh membaca, menulis dan mengira sahaja, di samping ajaran agama oleh pelbagai sekolah Kristian dan Islam. Pendidikan formal keseluruhan diadakan untuk orang kaya sahaja. Dalam pada itu, pendaftaran dalam pendidikan teknikal dan vokasional juga biasanya lebih rendah bagi perempuan. Oleh itu, perempuan lebih cenderung memperoleh pekerjaan berkemahiran rendah, dan jarang dipilih untuk mengikuti latihan lanjutan atau untuk jawatan yang memerlukan tahap pendidikan dan kepakaran yang lebih tinggi.

Pengarang juga menitikberatkan tentang perubahan-perubahan dalam sistem pendidikan formal. Sistem pendidikan formal lebih cenderung kepada golongan lelaki dan sektor bandar, dan berlanjutan hingga ke hari ini. Tidaklah semudah untuk merombak sistem pendidikan kerana ia melibatkan perubahan seluruh struktur dan sukanan pelajaran serta tafsiran semula pendidikan. Pada masa yang sama, perubahan yang dicadangkan, antaranya, termasuk pengenalan pengajian computer

dan penambahbaikan dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris. Perubahan ini bertujuan untuk menyediakan sistem pendidikan yang lebih bermakna yang akan memberi manfaat kepada semua suku etnik.


Kesimpulan buku ini, kemiskinan di Sabah adalah satu masalah asas yang perlu ditangani. Walaupun Sabah kaya dengan sumber alam seperti kayu balak, minyak dan tanah, kemiskinan masih berleluasa, terutamanya dalam kalangan penduduk luar bandar dan masyarakat yang terpinggir di bandar. Ramai wanita sekarang semakin aktif dalam kerja komuniti dan menyumbang masa dan tenaga kepada keperluan komuniti. Ramai wanita juga menyertai dunia pekerjaan atas desakan ekonomi. Pengarang menjelaskan sejak kebelakangan ini, kedudukan wanita Sabah telah bertambah baik disebabkan perubahan dalam masyarakat. Meskipun demikian, kemajuan yang tercapai setakat ini tertumpu kepada segelintir wanita sahaja.

Wanita di Sabah telah dideskripsikan dengan baik secara ilmiah dan bersahaja oleh penulis. Penulis berharap buku ini dapat memberi beberapa alternatif yang masyarakat harap dapat menyumbang ke arah membentuk sebuah masyarakat yang lebih kesaksamaan gender dan pembangunan mampan. Buku ini juga dijangka memberi impak yang baik dalam generasi yang akan datang khususnya rakyat Malaysia.

Pengulas:

Hemaahthevi Chandrasegaran
Pembantu Pustakawan
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




BONDA NOR, AMMAR KAMILIN
Parent, Think!

Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789830978697

Menjadi ibu bapa bukanlah satu tugas yang mudah. Ibu bapa perlu berusaha di dalam mendidik generasi akan datang, tetapi perlu sentiasa sedar, hidayah dan hasil adalah milik tuhan. Buku ini mengajar ibu bapa untuk tidak terlalu terburu-buru dalam menyelesaikan semua masalah dengan segera dan tidak terlalu memaksa anak-anak mengikut semua perkara yang tampak baik di mata ibu bapa. Ibu bapa harus sedar, setiap perkara yang berlaku ada jalannya, kadang lurus, kadang berliku dan tiada siapa tahu bila, di mana dan bagaimana seorang anak itu akan berjaya. Ada anak yang jalan hidupnya lurus dan mudah untuk berjaya, dan ada anak yang sudah tertulis untuk menjalani hidup yang berliku, penuh dengan kesilapan, namun akhirnya berjaya selepas berkali gagal. Justeru itu, buku ini menekankan bagaimana ibu bapa harus berusaha, belajar untuk bersabar, belajar untuk redha dan paksa diri untuk percaya pada setiap ketentuan Allah.


SINOPSIS BUKU



MOHAMMED ARID SULAIMAN
Generasi Jutawan
Selangor: Galeri Ilmu Sdn.
Bhd., 2020.
ISBN: 9789830979021

Buku ini merupakan satu pengalaman yang di alami oleh penulis hampir 17 tahun yang lalu untuk mempelajari dan melakukan sendiri apa yang bakal memberi impak yang tinggi kepada keluarganya. Perancangan kewangan bukanlah satu perkara yang menjadi objektif pada setiap orang atau keluarga tetapi ia merupakan perkara subjektif dan boleh dilakukan oleh semua orang. Kegagalan untuk merancang dengan sempurna adalah kerana menganggap kewangan ini merupakan satu perkara yang peribadi untuk dibincang atau dibahaskan. Buku ini ditulis dengan harapan pembaca membuka minda seluasnya untuk berkongsi bahawa semua orang layak menjadi kaya dan layak untuk membina generasi yang lebih baik dengan pendidikan yang baik dan sempurna dengan adanya wang.


SINOPSIS BUKU



ROZA ROSLAN
Dia Mahu Daku ke Sana
Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789830979120

Buku ini menceritakan banyak maklumat terperinci mengenai 21 destinasi yang pernah penulis lawati dari perspektif penulis sendiri yang unik dan menarik. Naskhah ini boleh juga dianggap sebagai travelog penulis ke beberapa negara dan mengisahkan pemerhatian penulis terhadap budaya hidup penduduk setiap negara dan juga kebesaran Allah pada setiap persinggahannya di negara luar. Uniknya buku ini, pada penghujung setiap bab juga diselitkan resipi masakan negara yang beliau lawati. Resipi-resipi tersebut terdiri daripada ciptaan penulis sendiri ataupun resipi yang penulis pelajari cara penyediaannya. Menariknya melalui naskhah ini, penulis turut menekankan soal agama apabila berjalan jauh. Sebagai seorang Islam, ada beberapa perkara yang perlu dijaga apabila melancong ke tempat orang seperti menjaga solat dan soal adab. Sebagai contoh, penulis menceritakan bagaimana suaminya menitikberatkan solat subuh berjemaah di masjid atau surau walaupun di negara orang.

SINOPSIS BUKU



Hendak melabur, tetapi di mana patut melabur? Hendak melabur, tetapi risau ditipu *scammer*? Bagaimana untuk memastikan sesuatu pelaburan itu adalah patuh syariah atau tidak? Penyelesaian kepada isu-isu tersebut boleh di dapati di dalam buku yang penuh dengan maklumat ini. Pelbagai contoh dan bimbingan diberikan kepada mereka yang berpengalaman. Buku ini menggabungkan kesemua ilmu, rahsia dan tips berharga di dalam bahasa yang santai yang boleh difahami oleh semua golongan masyarakat.

EZA & KHAIRI (PAK TEH)
Malaysia Melabur : 10 Benda Kita Kena Tahu
Kuala Lumpur :
AcePremier.com Sdn. Bhd.,
2020.
ISBN: 9789671326787

SINOPSIS BUKU



SYEIKH AHMAD FAISOL HJ.
OMAR
Solat Ketika Keuzuran
Selangor: Galeri Ilmu Sdn Bhd,
2020.
ISBN: 978930976969

Solat wajib dilaksanakan sama ada ketika susah atau senang, sihat atau sakit. Namun, umat Islam diberi kelonggaran dalam melaksanakannya apabila dalam situasi atau keadaan uzur yang diterima syarak. Buku ini menerangkan persoalan-persoalan solat yang dihadapi oleh mereka yang sakit atau seumpamanya. Antara isu yang diberi penjelasan adalah solat bagi orang yang sakit, solat dalam keadaan duduk dan berbaring, solat dalam kenderaan, solat dalam keadaan tidak berpakaian, solat bagi orang yang mengalami masalah berhadas, solat berjemaah dan solat jamak qasar. Buku ini menunjukkan Islam itu mudah. Islam membuka ruang kelonggaran, keringanan dan membenarkan sesuatu amalan atau tuntutan syarak dilaksanakan dengan kaifiat atau cara-cara khas yang luar biasa.

SINOPSIS BUKU




NORA YUSOF
**61 Rahsia Kunci
Rezeki**

Nilai, Negeri Sembilan :
FTR Smart Solution
Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789671521267

Sebagai manusia, kita mengimpikan kehidupan yang bahagia, kaya dan berjaya di dunia dan di akhirat. Kejayaan bagaimana yang dimaksudkan? Jawapannya kejayaan yang penuh dengan keberkatan dalam hidup. Kita sibuk fikir bagaimana untuk hidup hari ini, mana nak cari duit. Duit akan datang apabila kita faham K.U.N.C.I nya. Ia akan datang dengan laju apabila kita tahu bagaimana nak membuka pintu rezeki kita menggunakan kunci yang betul. Saat itu kita akan mula nampak jalan. Baru buat sikit sahaja dah jadi banyak. Dalam buku 61 Rahsia Kunci Rezeki ini, penulis membongkarkan rahsia untuk membuka pintu kejayaan, kebahagiaan dan kekayaan menggunakan kunci rezeki yang sebenar yang diperlukan oleh setiap orang.

SINOPSIS BUKU



MUHAMMAD WIDUS
SEMPO
Seni Tafsir Al-Quran
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2020.
ISBN: 9789674407506

Mengapa kesusasteraan al-Quran tidak boleh ditiru? Mengapa kesusasteraan al-Quran tidak dapat ditandingi oleh karya sastera mana-mana sasterawan Arab mahupun orang Ajam? Bagaimanakah rumusan pola binaan isi kandungan al-Quran dalam menzahirkan suatu makna? Jawapan terhadap kesemua soalan tersebut dapat ditemukan dalam buku ini secara komprehensif. Melalui buku iniuraian kepelbagaiannya pola binaan isi kandungan al-Quran yang merangkumi pola binaan huruf, kalimat dan jumlah ayat al-Quran. Buku ini juga menerangkan kepentingan ilmu munasabah dalam mengenal pasti keserasian dan keharmonian ayat-ayat al-Quran yang saling berhubung antara satu sama lain secara sistematis dan faedah di sebalik pemetaan kandungan al-Quran dalam banyak surah serta pola penyusunan tema-tema al-Quran. Turut dijelaskan juga pola binaan basmalah, surah al-Fatiyah, surah al-Ikhlas dan ayat al-Kursi. Ringkasnya, mukjizat kesusasteraan al-Quran adalah binaan Allah yang Maha Lembut lagi Maha Mengetahui. Binaan yang sedemikian mustahil dapat dilakukan oleh manusia.

SINOPSIS BUKU




NIK ROZAINAH NIK
ABDUL GHANI,
NORHAYATI LUDIN,
MARIAM ABDULLAH
**Sakit Gigi dan Rawatan
Salur Akar**

Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains
Malaysia, 2020.

ISBN: 9789674614782

Pernahkah anda mengalami sakit gigi? Kebanyakan daripada kita pernah mengalaminya sama ada sakit itu berada pada tahap ringan, sederhana mahupun teruk. Ramai antara kita yang masih tidak jelas, bagaimakah gigi boleh sakit? Justeru, kandungan buku ini membawa penerangan ringkas berserta gambar-gambar menarik untuk membantu pembaca memahami tentang permasalahan sakit gigi, punca dan penyebabnya. Ramai yang berfikiran bahawa dengan mencabut gigi yang sakit boleh menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini memang tidak dapat dinafikan, namun ramai yang tidak menyedari ia adalah sesuatu yang merugikan kerana gigi tersebut boleh diselamatkan melalui rawatan salur akar. Buku ini turut menghuraikan tentang rawatan salur akar untuk merawat sakit gigi dalam bahasa yang mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Semoga buku Sakit Gigi dan Rawatan Salur Akar ini memberi manfaat kepada anda.


SINOPSIS BUKU



SIS YOUJAE
Kenapa Aku Miskin?
Selangor : Kadokawa
Gempak Starz Sdn. Bhd.,
2020.
ISBN: 9789672471271

Kita sering takut digelar miskin, papa kedana dan pokai. Tapi ramai tak sedar, gelaran ni bukan saja merujuk pada simbol \$\$ semata. Pernahkah anda bertanya-tanya. 'Kenapa aku miskin? Kenapa susah sangat rezeki nak masuk?' Ya, #rezeki itu jaminan Allah S.W.T, ada yang cepat ada yang lambat. Tapi pernahkah terfikir bahawa masalah ni berpunca daripada diri sendiri? Sama ada miskin 'harta' mahupun 'nilai kehidupan', selami karya nukilan Sis Youjae yang akan membongkar tembok penghalang dalam usaha kita menjemput #rezeki. Kenapa aku miskin? Mungkin sebab selama ni ia salah alamat!

SINOPSIS BUKU



ATEH SALIM
Travelog Hassan Goh

Selangor : Writer's Write
Services, 2020.

ISBN: 9789671793817

Travelog Hassan Goh berkisar sebuah kisah seorang mualaf yang terpinggir dari keislamannya biarpun telah memeluk agama Islam sejak 45 tahun yang lalu. Mualaf itu seperti terdetik untuk berada di hadapan mata pengarang yang memang sangat akrab dengan kerja-kerja kebajikan melibatkan mualaf. Ikuti pengalaman penulis untuk mengembalikan mualaf tersebut ke landasan ajaran Islam yang syumul. Pelbagai kisah sedih, simpati, lucu dan kadangkala ada rasa marah apabila membimbing seorang tua yang sudah kurang pendengaran, tidak tahu membaca dan pekat loghat Cinanya.

SINOPSIS BUKU



DATO' DR. NAZRI KHAN, NOR
AKMAR
Menang Saham
Selangor: Vega Hermosa
International Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789671815809

Buku ini ditulis bagi merealisasikan impian melahirkan lebih ramai masyarakat yang celik ilmu mengenai pasaran saham. Hasil gabungan penulisan Dato' Nazri Khan dan Puan Nor Akmar, lahirlah naskhah Menang Saham yang mengumpulkan idea, luahan rasa berdasarkan pengalaman untung rugi, sepak terjang, air mata dan keringat serta naik turun dalam pasaran saham global. Naskhah ini dicipta khas dari pedagang sebagai panduan bermula dari asas tentang 'apa' dan 'bagaimana' sehingga kepada ilmu penting yang dikupas secara mendalam untuk memastikan pembaca tidak terlepas pandang setiap satu fakta yang wajib diketahui. Bukan itu sahaja, pelbagai teknik untuk memburu saham-saham berpotensi termasuklah harga pembelian dan penjualan yang optimum bagi membantu pembaca supaya boleh terus mengkaji.

SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD NAJIB MD.
NORANI
**Empat Puluh Hadis Keadaan
Umat Sebelum Kiamat**
Melaka: Mohammad Najib bin
Md Norani, 2020.
ISBN: 9789671804803

Buku ‘Empat Puluh Hadis Keadaan Umat Sebelum Kiamat’ menghuraikan secara jelas tentang tanda-tanda kiamat yang sekarang ini sedang dialami oleh manusia. Dunia kini dikejutkan oleh peristiwa-peristiwa ganjil yang akan terjadi dari masa ke masa. Buku ini secara tidak langsung akan membantu para pembaca khususnya guru-guru agama yang mengajar di masjid-masjid dan surau-surau untuk memahami isi kandungan dan maksud hadis dengan lebih jelas dan terpeinci. Penulis meletakkan tanda henti bagi setiap hadis bagi memudahkan para pembaca dapat membaca hadis dengan betul. Juga disertakan dalil al-Quran, al-Hadis dan pendapat ulama bagi menguatkan keterangan hadis yang dipaparkan. Penulis juga meletakkan senarai lengkap perawi-perawi hadis bagi setiap hadis serta ditakrijkan secara ringkas hadis tersebut dengan meletakkan nama perawi, nombor hadis dan status hadis yang dinyatakan. Penulis merumuskan kesimpulan di akhir keterangan hadis supaya pembaca mendapat gambaran secara keseluruhan tajuk setiap hadis yang dipaparkan.


SINOPSIS BUKU



DR. SHEIKH MUHAMAD HIZAM
HJ. SHEIKH KHAIRUDDIN
**Stress dan Produktiviti di
Malaysia**
Kuala Lumpur: Universiti Kuala
Lumpur Publishing, 2020.
ISBN: 9789672184300

Buku '**Stress dan Produktiviti di Malaysia**' mengkaji hubungan antara stress dan produktiviti. Tahap stress diukur menggunakan stressor tempat kerja yang lazim seperti hubungan kerja, keseimbangan kerja-hidup, beban berlebihan, jaminan kerja, kawalan, sumber dan komunikasi, aspek kerja, gaji dan faedah. Komitmen dan kesihatan dikaji sebagai pengantara kepada hubungan stress dan produktiviti individu. Sampel kajian ini adalah pentadbir akademik di universiti dalam negara. Kajian dilakukan dengan membincangkan isu stress dan produktiviti dalam organisasi, teori-teori stress atau stressor pekerjaan, pengukuran produktiviti individu, faktor-faktor yang memberi kesan kepada produktiviti serta strategi intervensi stress. Melalui pemahaman dan kesedaran berkenaan hubungan ini, organisasi amnya akan dapat membuat perubahan yang positif dalam mengkaji stressor-stressor pekerjaan ini serta komitmen dan kesihatan mereka. Semua faktor ini akan dapat membantu mengurangkan stress di tempat kerja serta menambahkan produktiviti individu.

SINOPSIS BUKU




SULAYMAN AL-JAMZURI
Terjemahan & Penjelasan :
Tuhfat Al-Atfal Matan Asasi
ilmu tajwid

Selangor: Rihla Media, 2020.
ISBN: 9789671495070

Kitab Tuhfat al-Atfal merupakan sebuah karya penting yang dikarang oleh Syeikh Sulayman al-Jamzuri. Beliau merupakan seorang tokoh ilmuwan yang berwibawa abad 12 Hijrah. Sehingga hari ini, kitab Tuhfat al-Atfal masih lagi dijadikan sebagai rujukan bidang tajwid di pelbagai institusi pendidikan al-Qur'an di dunia muslim. Keutamaan karya ini berbanding karya lain adalah terletak pada penjelasannya yang ringkas dan mudah serta dirangkai dalam bait-bait syair penuh makna lagi indah. Kehadiran karya ini dan yang seumpamanya merupakan sebahagian daripada usaha pengajaran dan pengamalan tradisi lisan (oral tradisi) yang dikaedahkan dan telah diwariskan secara turun temurun. Oleh itu, mempelajari karya ini bukan hanya sekadar belajar membaca al-Quran dengan baik, tetapi suatu usaha untuk menjaga dan meneruskan warisan intelektual dan spiritual yang telah ditinggalkan oleh Rasullullah S.A.W melalui para sahabatnya dan yang mengikuti mereka. Walaupun terpisah jarak dan masa yang begitu jauh lebih 1400 tahun, bacaan al-Quran tetap terjaga dan dibawa oleh satu disiplin yang bernama ilmu Tajwid.

SINOPSIS BUKU



USTAZAH ISFADIAH MOHD
DASUKI

365 Tip Didik Anak Remaja Gaya Rasulullah

Selangor: PTS Publishing House
Sendirian Berhad, 2019.
ISBN: 9789674813987

Buku kompilasi 365 Tip Didik Anak Remaja Gaya Rasulullah adalah hasil daripada pengalaman yang diadun dengan matlamat keremajaan dan disokong oleh dalil-dalil yang berkaitan. Keistimewaan buku ini adalah terdapat dalil daripada Al-Quran, hadith, dan pendapat ulama di dalam setiap tips yang diberikan. Selain itu, karya ini bertemakan ‘1 hari 1 tip’ dan disertakan dengan ‘365 Tip Jom Amal’ lengkap sebagai bimbingan ibu bapa untuk tempoh setahun. Setiap topik yang dinyatakan di dalam buku ini juga turut mengandungi kelebihan dan tujuan pelaksanaannya.

SINOPSIS BUKU




NUR SABRINA MOHD. PALEL,
RAHMAH ISMAIL, NORLIN
KHALID

**Kemahiran dan Upah Dalam
Pasaran Buruh Malaysia**
Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2020.

ISBN: 9789672388982

Sistem pendidikan di negara ini telah banyak mengalami perubahan dan pembaharuan sehingga kini. Selain daripada pendidikan, kemampuan pekerja juga dilihat penting dalam mempengaruhi kadar upah mereka. Memiliki tahap pendidikan yang tinggi bagi seseorang pekerja tidak semestinya menjamin kadar upah yang tinggi sekiranya tahap kemampuan mereka rendah. Oleh yang demikian, tingkat kemampuan dan pendidikan haruslah setara antara satu sama lain. Penulisan buku ini mencakupi banyak isu yang berkait rapat dengan pelaburan modal manusia di dalam pendidikan sama ada daripada sudut permintaan mahupun sudut penawaran. Perkara ini merupakan intipati utama yang ditonjolkan dalam penulisan buku ini. Selanjutnya, buku ini mengupas keperluan faktor latar belakang keluarga dalam mempengaruhi penawaran pendidikan anak-anak seterusnya menentukan tahap persekolahan optimum di Malaysia. Buku ini juga menyelitkan beberapa kaedah tentang penentuan kadar upah pekerja. Di bahagian akhirnya, buku ini mengemukakan beberapa cadangan tentang keperluan penambahan tahun pendidikan dan peruntukan perbelanjaan pendidikan di Malaysia demi mencapai kadar upah yang optimum dalam kalangan pekerja.

SINOPSIS BUKU



**Dakwah Membentuk
Masyarakat Sejahtera**
Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789674129576

Dakwah Islamiah adalah bersifat universal dan relevan dengan semua zaman. Agama Islam bukan berbentuk ritual semata-mata, tetapi adalah satu sistem hidup manusia yang serba lengkap dan sempurna yang disebut sebagai *nizam al-hidayah*. Dalam arus pemodenan kini, pelbagai isu baharu dalam masyarakat yang wujud boleh mengganggu gugat masyarakat yang sejahtera. Oleh itu, penyelidikan sangat diperlukan bagi mendapatkan realiti sebenar, melahirkan teori dan pemikiran serta idea serba baru yang boleh menanggapi dan menyelesaikan permasalahan umat bagi mewujudkan masyarakat sejahtera. Namun dalam keghairahan menanggapi isu kontemporari, perkara asas dalam agama Islam seperti akidah, ibadah dan akhlak bersifat tetap. Cara pelaksanaan dan pendekatan dakwah sahaja memerlukan kaedah yang sesuai dengan zaman dan tempat. Oleh itu, buku ini mengupas persoalan yang berkaitan dengan dakwah dan kehidupan manusia dalam pelbagai aspek seperti kekeluargaan, kejiwaan, kesihatan, sosial, kepimpinan dan media dalam konteks dakwah Islamiah bagi mencapai kesejahteraan hidup masyarakat.


SINOPSIS BUKU



NAZRI MUSLIM
**Islam dan Melayu Dalam
Perlembagaan : Tiang Seri
Hubungan Etnik di Malaysia**
Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672429081

Buku ini diterbitkan atas kesedaran untuk menyemarakkan lagi diskusi ilmiah mengenai perlembagaan dalam bahasa Melayu. Kebanyakan perbahasan ilmiah mengenai perlembagaan adalah dalam Bahasa Inggeris, bersifat teknikal undang-undang dan istilah jargon hanya difahami oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang perundangan. Justeru, buku ini cuba mengisi kelomongan yang ada khususnya penggunaan bahasa yang tidak bersifat teknikal undang-undang dan sosiologi perlembagaan serta dibahaskan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. Kedalaman perbincangan dalam buku ini mengkhususkan kepada empat tiang seri dalam perlembagaan iaitu Islam, Melayu, Bahasa Melayu dan raja-raja Melayu. Antara kandungan penting dalam buku ini ialah Islam dan hubungan etnik, rasional dan implikasi peruntukan Islam dan Melayu dalam perlembagaan, isu berkaitan diskriminasi perlindungan, perbahasan peruntukan perkara 153, kesamarataan dari sudut pandangan Islam dan masa depan peruntukan Islam dalam perlembagaan. Buku edisi kedua ini terhasil daripada kajian ilmiah untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai tiang seri dalam perlembagaan persekutuan, seterusnya memasyarakatkan perlembagaan agar mudah difahami oleh pembaca.

SINOPSIS BUKU



AHMAD FUAD MOHAMAD AMIN
Identiti Diri Generasi Y : Profil dan Model
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789674129699

Remaja Gen Y dan Z (milenium) sangat rapat dengan arus kemajuan teknologi dan internet. Hal ini menjadi cabaran kepada negara dalam membantu perkembangan generasi milenium khususnya dalam membentuk identiti diri yang positif. Kajian profil mendapati identiti penyerakan mencatat rekod jumlah yang paling ramai, diikuti identiti pencapaian dan identiti moratorium. Meskipun begitu, remaja memberi persepsi yang sederhana kepada identiti penyerakan yang menunjukkan remaja tidak mahu dikongkong terutama oleh ibu bapa dalam proses meneroka siapa diri mereka. Model sumbangan yang dibentuk menegaskan lagi sumber literatur terdahulu, bahawa ibu bapa berperanan sebagai peramat terpenting dalam pembentukan identiti remaja. Ini memberi impak kepada golongan ibu bapa dalam mengenal pasti kaedah mendidik anak remaja dengan lebih berkesan sejajar dengan teknologi ini. Aspek kawalan diri, hubungan spiritual dan persekolahan juga antara aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam membentuk remaja bertanggungjawab sekaligus dapat meningkatkan identiti remaja yang lebih positif. Kesimpulannya, kesedaran untuk membentuk identiti diri merupakan satu langkah awal bagi meningkatkan jati diri remaja sebagai modal insan berkualiti.

SINOPSIS BUKU




AINON NAJAHAH ABD. AZIZ,
MOHD. SUHAIMI AB. RAHMAN

**Platform Reka Bentuk Maya :
Peranti dan Litar Optik**
Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672429067

Platform Reka Bentuk Maya : Peranti dan Litar Optik adalah sebuah platform maya bagi tujuan rekabentuk dan pengujian peranti optik dibangunkan dan dipanggil Platform Reka Bentuk Optik Maya (PROM). Platform ini membolehkan peranti optik dan rangkaian direkabentuk, disimulasi, diuji dan penyepaduan peranti optik dilakukan pada sistem rangkaian optik. PROM terdiri daripada beberapa perisian yang mewakili lapisan rekabentuk. Perisian OptiBPM dan OptiSPICE digunakan dalam lapisan peranti di mana pandu gelombang direka untuk menghasilkan peranti optik manakala litar optoelektronik direka untuk menghasilkan pemacu diod laser. Ketebalan, sudut capahan dan beza indeks biasan pandu gelombang merupakan parameter yang dikaji untuk mendapatkan nilai optimum parameter-parameter tersebut. Kesan kekasaran pada dinding pandu gelombang terhadap prestasi peranti dan rangkaian optik turut dibincangkan di dalam buku ini. Kesemua kajian berkaitan pandu gelombang pada lapisan peranti ini dianalisa berdasarkan kuasa keluaran peranti tersebut. Diharapkan buku ini memberi manfaat kepada semua yang membacanya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DR. AHMAD SYAUQI IBRAHIM
**Tip Sihat & Makanan Terbaik
Dari Al-Quran**
Selangor: Pustaka Ibnu Katsir Sdn.
Bhd., 2020.
ISBN: 9789670932378

Adakah seorang manusia itu menginginkan dirinya sakit? Semestinya, tidak. ‘**Tip Sihat & Makanan Terbaik Dari Al-Quran**’ merupakan panduan ilmu makanan dan minuman serta menerangkan tip dan amalan gaya hidup yang sihat berdasarkan Al-Qurán dan Sunnah yang telah dipraktikkan sejak ratusan tahun yang dulu. Hidup tanpa penyakit merupakan sebuah anugerah dan rezeki yang dikurniakan Allah S.W.T buat hamba-Nya. Allah telah menyebut beberapa makanan ajaib di dalam Al-Quran seperti buah tin, zaitun, madu, kurma dan pelbagai lagi untuk dijadikan makanan kesihatan dan sebagai ubat bagi manusia agar terlindung dari penyakit. Buku ini turut merangkumi tip pemakanan bagi orang yang sihat dan sakit, ketika berpuasa dan tidak berpuasa, makanan khusus buat para ahli syurga dan juga khasiat susu ibu berdasarkan Al-Quran, Sunnah serta ilmu moden. Pembaca boleh kongsikan segala tips dan amalan pemakanan dari buku ini bersama keluarga dan insan tersayang. Kesihatan dan tubuh badan kita merupakan amanah dari Allah yang perlu dijaga agar hidup menjadi tenteram dan dapat beribadah dengan sempurna.

SINOPSIS BUKU



AHMAD SAIFUDDIN,
MUHAMMAD HAKIMI
**Fadhlilat & cara amalan 99
nama-nama Allah**
Selangor: Pustaka Ibnu Katsir
Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789670932385


'Fadhlilat & Cara Amalan 99 Nama-Nama Allah'

'Allah' merupakan sebuah buku yang menerangkan kelebihan setiap nama-nama Allah (Asma'ul Husna) dengan ringkas, padat dan mudah difahami. Ia turut merangkumi cara-cara untuk menjadikan nama-nama Allah ini sebagai amalan-amalan khusus yang amat besar faedah dan keutamaannya.

"Sesungguhnya Allah memiliki 99 nama. Barang siapa yang menghitungnya, pasti akan dimasukkan ke dalam syurga." - Riwayat Bukhari & Muslim


Beramal dengan nama-nama Allah bukan sahaja dengan mempraktikkannya tetapi juga dengan cara menzahirkannya dalam bentuk akhlak dan kelakuan pada setiap masa. Asma'ul Husna tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan seharian. Ia bukan sekadar kalimat yang digunakan untuk berdoa semata-mata, tetapi hendaklah difahami, dihayati dan diamalkan bagi membentuk peribadi yang sentiasa dekat dengan Maha Pencipta.

SINOPSIS BUKU



Sebagai seorang muslimah yang beriman, adakah kita sedar betapa besarnya cinta Allah terhadap kita apabila diwajibkan untuk menutup aurat. Kewajipan inilah merupakan tanda ketinggian cinta dan rahmat Allah buat ciptaan-Nya, wanita muslimah iaitu demi keselamatan dan kebahagiaan kita. '**Be Like A Diamond**' mengingatkan kita betapa mahal dan tingginya status seorang wanita muslimah yang berjilbab. Jilbab bererti menutup aurat, iaitu seluruh tubuh wanita muslimah dari kepala hingga kaki sesuai dengan syariat Islam. Ia digunakan sebagai pelindung wanita dan mengetengahkan identiti seorang wanita muslimah. Buku ini boleh dijadikan panduan untuk mengajak insan yang disayangi dalam hidup untuk bersama-sama menutup aurat dengan hujah-hujah yang penuh berhikmah yang disampaikan di dalam buku ini.


SINOPSIS BUKU



Azim Afif
Conquering Everest : Do Or Die Mission
Semenyih, Selangor : Kasi Terbit Plt, 2020.
ISBN: 9789671593097

A young mountaineer embarks on a challenging mission to reach the peak of Mount Everest. Extreme cold weather, the dangerous climb up a tough mountainous terrain, risk avalanche, thinning oxygen supply in the atmosphere at higher altitudes were among the numerous challenges awaiting them. Many climbers have lost their lives while making their attempt to reach the peak of the highest mountain on earth. There were also others who died while descending the mountain. The Everest is not a place for those who are afraid. At the altitude of 8,848 metres, climbers enter the death zone where bodily functions could deteriorate leading to certain death. However, for Azim Afif Ishak and his team from Universiti Teknologi Malaysia, nothing is impossible. Since 2011, they planned the adventure that would bring them on a perilous journey. In 2014, their first attempt to conquer the peak was hampered by an ice avalanche in Khumbu Icefall. At least twelve Sherpas died. Azim and his team returned to Malaysia disappointed, but luckily, unharmed. However, this was not the end. Azim and his team refused to surrender. They must conquer the Everest peak. No matter happens, Azim was determined to wave the Jalur Gemilang at the top of the highest mountain. Will they be able to overcome all obstacles in this do or die mission? This is an inspirational true story.


SINOPSIS BUKU



Azmi Ramli
Wasiat Buat Anak : Bersedia Melawan Jin!
Selangor: Puncak Ruqyah Services, 2020.
ISBN: 9789671834008

Masyarakat kita mudah teruja dengan isu jin, namun tak ramai yang mempunyai ilmu yang betul menurut Islam. Buku ini cuba memberi maklumat penting tentang kejadian jin serta isu-isu penting berkenaan makhluk ini agar mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Buku ini memberi maklumat dan panduan tentang isu gangguan jin yang kerap berlaku di dalam masyarakat. Selain itu, buku ini akan memberi panduan tentang amalan-amalan serta bacaan ayat al-Quran, hadis serta doa munajat untuk mendinding diri daripada gangguan makhluk ghaib ini. Sesuatu yang jarang atau mungkin tidak pernah diterbitkan ialah buku ini turut memuatkan beberapa nasihat dan ilmu penting almarhum Tuan Guru Dato' Haron Din yang merupakan pengasas Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') berkenaan jin dan isu-isu berkaitan. Penulis memberikan penghormatannya kepada almarhum Tuan Guru Dato' Harun Din sebagai satu usaha menyebarkan luas ilmu-ilmu beliau yang tak ternilai harganya.

SINOPSIS BUKU




MASTURA MOHD. SALIM
Kak Long Kawasan
Batu Caves, Selangor :
Komrad Buku, 2020.
ISBN: 9789672062608

"Walaupun aku kak long kawasan, tapi aku lain daripada yang lain, Kau ingat kak long kawasan ni kaki gaduh ke? Kau bayang kak long kawasan ni ada pengikut yang ramai dan dilayan macam raja ke? Kau fikir kak long kawasan ni tak reti hormat orang? Tapi... jangan langsi sama aku. Ini buku kak long kawasan yang punya!"

Buku ini mengisahkan catatan kehidupan seorang penulis yang melalui liku-liku kehidupan sebagai seorang anak, pelajar, isteri dan ibu yang telah melalui dan menempuh pelbagai pengalaman dalam hidup.


SINOPSIS BUKU



ALI HASSAN
Cermin Diri
Selangor : Must Read Sdn.
Bhd., 2019.
ISBN: 9789672250739

“Aku nampak saja jahat, tapi hati aku baik.”
“Anak aku nakal sebab terpengaruh dengan kawan-kawan.”
“Macam kawan angah, cukup berlagak. Bila sembang selalu dia meninggi diri, bila berbincang mesti kena dengar cakap dia”
“Sekarang apabila dia buka mulut je, kawan-kawan pergi tinggalkan dia.”
Kita sering tidak mahu mengakui kesilapan, sehingga kadangkala mencari kambing hitam untuk menutup kesalahan atau kesilapan diri sendiri. Kita merasakan seperti kita saja yang benar. Kita tidak belajar daripada sejarah kesilapan yang lampau, tetapi sentiasa mencari alasan untuk menang. Walhal kesilapan lampau itu mampu menjadi cermin untuk menilai diri sendiri, bagi membina identiti yang lebih sempurna.


SINOPSIS BUKU



Cerita Duit Orang Malaysia. Jilid 1
Selangor : Suraya Zainudin Communications, 2020.
ISBN: 9789671688649

Buku ini mengumpulkan 12 cerpen, 12 orang penulis dengan satu tema iaitu duit. Buku ini menyediakan cerpen-cerpen berkisar tentang kewangan dari dunia fantasi, sains fiksyen ke autobiografi,. Penceritaannya bukan hanya perkongsian pengarang mengenai cara untuk mendapatkan pendapatan pasif. Ia juga digarap untuk menunjukkan kepada rakyat Malaysia bagaimana untuk mengurus kewangan peribadi. Buku ini diolah dalam pelbagai genre penceritaan, termasuklah nuansa fantasi dan dunia silihan dengan membawa satu tema utama iaitu kewangan peribadi.


SINOPSIS BUKU



ZAKARIA ALI
Diario De Mexico
Kota Bharu, Kelantan :
Kedai Hitam Putih, 2019.
ISBN: 9789671307793

Diario de Mexico merupakan catatan apa yang penulis lalui semenjak kali pertama menjelajak kaki di bumi Mexico. Di sana beliau menghadam kesusasteraan Fuentes dan Octavio Paz, menjelajah Sika dan budaya kaum Aztek, melayan lagu-lagu rakyat dan pemuzik Marciachis sambil menikmati tortillas yang sebenar. Segala macam pengalaman ini membina satu pergelakan jiwa yang membuatkan beliau terus "melukis macam orang gila." Landskap geografikal sosial dan budaya dipegunkannya mengikut persekitaran konteks negara tersebut.

SINOPSIS BUKU



DANIAL JAZMI
Danial's Diary : My Super Duper Busy Life
Selangor : Fatimah Rodhiah Mohd Yusof, 2019.
ISBN: 9789671544143

Buku karya penulis cilik ini mengisahkan tentang catatan beliau sebagai seorang pelajar, anak yang soleh, rakan dan sahabat kepada komuniti di sekelilingnya. Catatan beliau adalah berkisar tentang kehidupan sehariannya, perkara-perkara baharu yang dilalui sebagai seorang pelajar dan bagaimana untuk menguruskan diri. Perkongsian yang dipaparkan di dalam buku ini berbentuk infografik yang menarik dan mudah difahami.